

Terma dan Syarat
Tawaran Kad Debit AmBank dengan foodpanda
Tempoh Promosi: 17 Julai 2023 – 21 Januari 2024

Terma dan Syarat yang Dipinda untuk AmBank (M) Berhad: Kempen Tawaran Kad Debit AmBank dengan foodpanda akan menggantikan Terma dan Syarat yang ada bermula 28 Ogos 2023.

1. **Promosi I** di bawah **Klausula 3.1** telah ditambah dalam **font biru** untuk mencerminkan **Pemilihan Pemegang Hadiah**.

PERINGATAN: Pelanggan yang Layak (seperti yang ditentukan di bawah) diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat di bawah serta mana-mana Terma dan Syarat yang dikemas kini yang terdapat di www.ambank.com.my. Sekiranya Pelanggan yang Layak tidak memahami apa-apa terma dan syarat yang dinyatakan di sini atau / mana-mana Terma dan Syarat yang dikemas kini, Pelanggan yang Layak dinasihatkan untuk berbincang dengan mana-mana wakil sah Bank.

1 Definisi

- 1.1 Untuk tujuan terma dan syarat ini, kata dan ungkapan berikut mempunyai makna yang diberikan kepadanya kecuali jika konteksnya menghendaki sebaliknya:

“**Kumpulan AmBank**” bermaksud semua syarikat dan syarikat bersekutu yang berkaitan dengan Bank sama ada diperbadankan di dalam atau di luar Malaysia, sudah wujud pada masa ini atau pada masa akan datang dan rujukan kepada ‘Kumpulan AmBank’ dalam terma dan syarat ini akan merangkumi semua atau mana-mana entiti dalam Kumpulan AmBank.

“**Bank**” merujuk kepada AmBank (M) Berhad [No. Syarikat: 196901000166 (8515-D)], syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 (dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016) dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, No. 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

“**Promosi**” bermaksud “**Tawaran Kad Debit AmBank dengan Foodpanda**” yang secara kolektif merangkumi Promosi I dan Promosi II yang dianjurkan oleh Bank dan Foodpanda selaras dengan terma dan syarat seperti yang ditetapkan dalam ini.

“**Tempoh Promosi**” untuk Promosi I (seperti definisi di bawah) akan bermula pada 17 Julai 2023 (00:00 GMT+8) dan berakhir pada 21 Januari 2024 (23:59 GMT+8). Promosi II (seperti definisi di bawah) akan bermula pada 17 Julai 2023 (00:00 GMT +8) dan berakhir pada 27 November 2023 (23:59 GMT+8). Bank berhak untuk mengubah Tempoh Promosi dengan Notis Terdahulu.

“**Kad Debit**” merujuk kepada Kad Debit Mastercard AmBank dan/atau Kad Debit Mastercard *TRUE by AmBank* yang dikeluarkan oleh Bank.

“**Notis Terdahulu**” merujuk kepada notis oleh Bank berkenaan fakta tertentu atau berkenaan sesuatu keadaan yang tertentu dalam tempoh sekurang-kurangnya tiga (3) hari kalendar.

“**Platform Foodpanda**” merujuk kepada aplikasi atau platform web yang menghubungkan pelanggan dengan peniaga yang menawarkan penghantaran makanan, pengambilan makanan, kedai runcit dan penghantaran dalam persekitaran pelanggan.

“**Pengguna Foodpanda**” bermaksud pengguna yang mempunyai akaun dengan foodpanda.

Terma dan Syarat
Tawaran Kad Debit AmBank dengan foodpanda
Tempoh Promosi: 17 Julai 2023 – 21 Januari 2024

- 1.2 Perkataan yang merujuk kepada orang hendaklah termasuk orang yang hidup dan, jika dan di mana berkaitan, badan atau orang yang diperbadankan atau tidak diperbadankan. Perkataan yang merujuk kepada kata satu hendaklah juga merangkumi bentuk jamak dan sebaliknya. Perkataan yang merujuk kepada jantina lelaki hendaklah termasuk jantina perempuan dan neuter.
- 1.3 **“Perbadanan Bersekutu”** mempunyai maksud yang sama seperti yang diperuntukkan terhadapnya di bawah Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, yang mana berkenaan. **“Syarikat Yang Berkaitan”** pula mempunyai maksud yang sama seperti yang diperuntukkan terhadapnya di bawah Seksyen 7 Akta Syarikat 2016.

2 Kelayakan

- 2.1 Promosi ini dibuka kepada semua pemegang Kad Debit baharu dan sedia ada di Bank (termasuk kakitangan Kumpulan AmBank) yang juga Pengguna Foodpanda (selepas ini dirujuk sebagai **“Pelanggan yang Layak”**).
- 2.2 Pendaftaran tidak diperlukan untuk menyertai Promosi ini.

3 Mekanisma Promosi

- 3.1 Mekanisma Promosi adalah seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah:

Tempoh Promosi	Promosi
17 Julai 2023 – 21 Januari 2024	<p>Promosi I</p> <p>Simpan butiran Kad Debit AmBank anda di foodpanda untuk kali pertama dan membuat satu (1) pesanan untuk berpeluang menangi pelan langganan pandapro tanpa dikenakan yuran selama 12 bulan.</p> <ul style="list-style-type: none">• Promosi sah untuk pemegang Kad Debit AmBank yang mendaftar dan menyimpan butiran kad debit mereka sama ada dalam foodpanda atau “Kad Kredit/Kad Debit” di bawah “Pilih Kaedah Pembayaran” di platform Foodpanda untuk kali pertama sepanjang Tempoh Promosi (“Peserta Layak”).• Untuk mengelakkan keraguan, pengguna Kad Debit AmBank yang telah menyimpan kad debit mereka sama ada pada Foodpanda sebelum Tempoh Promosi tidak layak untuk menyertai promosi ini.• Peserta Layak dengan minimum satu (1) pesanan dengan butiran Kad Debit AmBank disimpan di Foodpanda platform dalam minggu yang sama apabila kad disimpan (“Transaksi Layak”) akan berpeluang memenangi satu (1) pelan langganan pandapro tanpa dikenakan yuran selama dua belas (12) bulan bernilai Ringgit Malaysia Lima Puluh Lapan dan Lapan Puluh Cent (RM58.80).

Terma dan Syarat
Tawaran Kad Debit AmBank dengan foodpanda
Tempoh Promosi: 17 Julai 2023 – 21 Januari 2024

- Seramai dua ratus tujuh puluh (270) pemenang akan dipilih sepanjang tempoh kempen.
- Foodpanda akan memilih sepuluh (10) pemenang setiap minggu di kalangan Peserta Layak.
- Semua penyertaan bagi Minggu Kempen itu akan disenaraikan dan disusun menaik. Jumlah bilangan penyertaan bagi Minggu Kempen itu kemudiannya akan dibahagi dengan 10 (bagi penyenaari pendek 10 pemenang) dan keputusannya akan dibundarkan ke bawah kepada nombor bulat yang terdekat.

Contohnya, 1,111 penyertaan akan dibahagikan dengan 10, pemenang pertama yang disenaraipendekkan adalah penyertaan pada kedudukan 111, manakala pemenang berikutnya adalah penyertaan nombor 222, 333, 444 dan seterusnya sehingga 10 pemenang dipilih.

- Pilih pemenang akan dijalankan setiap empat (4) minggu sekali, seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1.

Jadual 1: Ilustrasi

Tempoh Penyertaan: Bilangan Pemenang	Tempoh Cabutan	Tempoh Pemenuhan Hadiah
17 Julai 2023 – 23 Julai 2023 (Minggu 1): 10 Pemenang	Sebelum 1 September 2023	Sebelum 1 October 2023
24 Julai 2023 – 30 Julai 2023 (Minggu 2): 10 Pemenang		
31 Julai 2023 – 6 Ogos 2023 (Minggu 3): 10 Pemenang		
7 Ogos 2023 – 13 Ogos 2023 (Minggu 4): 10 Pemenang		

- Hadiah akan dikreditkan terus ke dalam akaun foodpanda pemenang berdasarkan pengenalan diri (ID) khas yang diperuntukkan oleh foodpanda untuk setiap pelanggannya. Pemenang dikehendaki tebus hadiah dengan mengikat atau menghubungkan Kad Debit AmBank yang sah sebagai "Kaedah Pembayaran".
- foodpanda akan memaklumkan pemenang dengan menghantar e-mel kepada alamat e-mel yang didaftarkan oleh pemenang di aplikasi foodpanda.
- Hadiah tidak boleh dipindah milik ke akaun foodpanda lain.

Terma dan Syarat
Tawaran Kad Debit AmBank dengan foodpanda
Tempoh Promosi: 17 Julai 2023 – 21 Januari 2024

	<ul style="list-style-type: none"> • Pemenang akan menerima kod dari bank untuk menebus hadiah melalui SMS / alamat e-mel yang berdaftar dengan foodpanda dan Bank. • Jika rekod pemenang tidak dapat ditandingi atau tidak dijumpai, bank akan meneruskan untuk memberikan pemenang barisan seterusnya. • Hadiah mesti dituntut oleh pemenang dalam tempoh yang ditetapkan dalam SMS / E-mel. Pihak penganjur berhak untuk membatalkan hadiah sekiranya pemenang gagal menuntut hadiah dalam tempoh yang ditetapkan. Bank dan foodpanda tidak akan membayar balik atau membayar pampasan kepada pemenang untuk perampasan tersebut. • Tiada alternatif tunai atau bayaran balik akan ditawarkan sebagai ganti hadiah.
<p>17 Julai 2023 – 27 November 2023 (setiap Isnin)</p>	<p>Promosi II</p> <p>Diskaun Tiga Puluh Peratus (30%) pada hari Isnin dengan perbelanjaan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Puluh (RM30) dalam satu transaksi di Platform Foodpanda di mana pembayaran dibuat melalui Kad Debit AmBank.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan Layak mesti memasukkan kod promo “AMBDC30” semasa membuat pembayaran untuk menikmati diskaun sebanyak Tiga Puluh Peratus (30%), dihadkan pada Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) setiap transaksi. • Promosi sah dengan perbelanjaan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Puluh (RM30) ke atas jumlah harga belian bersih pembelian dalam satu transaksi (tidak termasuk yuran penghantaran/cukai/caj/pengendalian platform lain) yang dibuat menggunakan Kad Debit AmBank di foodpanda. • Promosi sah untuk tempahan di platform foodpanda termasuk penghantaran makanan, pengambilan (<i>pick-up</i>), kedai-kedai (<i>shops</i>) dan pandamart. • Promosi adalah sah untuk dua ratus lima puluh (250) penebusan pertama setiap minggu dan terhad kepada lima ribu (5,000) penebusan sepanjang Tempoh Promosi sahaja, atas dasar yang dahulu, diutamakan. • Setiap pelanggan boleh menikmati sehingga maksimum lima belas (15) kali penebusan sepanjang tempoh kempen. • Diskaun akan digunakan serta-merta dan ditolak daripada jumlah perbelanjaan apabila penebusan dan pembayaran berjaya, jika berkenaan. • Pesanan tanpa kod promosi tidak akan layak untuk tawaran. Pengkreditan secara manual bagi Tawaran ini adalah tidak dibenarkan. • AmBank dan foodpanda tidak mempunyai kewajipan untuk memaklumkan pengguna apabila penebusan mingguan ditebus sepenuhnya.

Terma dan Syarat
Tawaran Kad Debit AmBank dengan foodpanda
Tempoh Promosi: 17 Julai 2023 – 21 Januari 2024

4 Umum

- 4.1 Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan yang Layak dan/atau mana-mana pihak yang dinyatakan di sini memberi kebenaran dan bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat di dalam ini, dan terma dan syarat ini harus dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Umum Bagi Akaun dan Perkhidmatan, dan Terma dan Syarat Kad Debit MasterCard AmBank. Pelanggan yang Layak diminta untuk log masuk ke laman sesawang rasmi Bank di <http://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions> untuk sebarang kemas kini Promosi atau terma dan syarat terkini, jika ada.
- 4.2 Terma dan Syarat di sini hendaklah dibaca bersama-sama dengan **Terma dan Syarat foodpanda** di <https://www.foodpanda.my/contents/terms-and-conditions.htm> dan **Terma dan Syarat pandapro** di <https://www.foodpanda.my/contents/pandapro-consumer-terms-and-conditions>, yang juga akan terpakai kepada Pelanggan yang Layak..
- 4.3 Tawaran Promosi ini adalah tidak sah dengan mana-mana promosi/ lain yang ditawarkan oleh Bank.
- 4.4 Bank mempunyai hak pada bila-bila masa, untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Promosi ini dengan memberikan Notis Terdahulu.
- 4.5 Bank mempunyai hak untuk mengubah, meminda, memadam atau menambah ke atas mana-mana terma dan syarat yang dinyatakan secara khusus di dalam ini, secara keseluruhan atau sebahagian dari semasa ke semasa, termasuk mengubah Tempoh Promosi ini seperti yang difikirkan wajar, perlu dan sesuai dengan memberikan Notis Terdahulu.
- 4.6 Sebarang notis yang diberikan oleh Bank akan dipaparkan di laman sesawang rasmi Bank melalui www.ambank.com.my atau di cawangannya, dan notis berkenaan hendaklah disifatkan sebagai telah diberikan apabila dipaparkan di laman sesawang rasmi atau di cawangannya, yang mana lebih awal.
- 4.7 Bank mempunyai hak untuk membatalkan penyertaan atau kelayakan mana-mana Pelanggan yang Layak daripada mengambil bahagian dalam Promosi ini sekiranya pada pendapat Bank:
 - a) Pelanggan yang Layak tersebut telah memberikan maklumat tidak benar atau melakukan penipuan atau kesalahan dalam apa-apa cara semasa proses penyertaan atau di sepanjang Tempoh Promosi; atau
 - b) Pelanggan yang Layak telah melanggar atau berpotensi melanggar terma dan syarat yang dinyatakan di sini.
- 4.8 Melainkan dinyatakan sebaliknya, terma dan syarat ini akan mengatasi mana-mana peruntukan lain dan/atau perwakilan yang terkandung dalam mana-mana notis/promosi/bahan periklanan lain untuk Promosi ini.
- 4.9 Keputusan Bank dalam semua perkara berkaitan dengan kelayakan pelanggan yang layak dan penyertaan di dalam Promosi adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pelanggan yang Layak yang mengambil bahagian
- 4.10 Bank tidak bertanggungjawab ke atas kerugian atau kerosakan yang dialami, seperti kehilangan pendapatan atau keuntungan, atau sebarang kerosakan tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, hukuman atau khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga, yang timbul daripada atau berkaitan dengan Promosi, simpan dan berkecualian di

Terma dan Syarat
Tawaran Kad Debit AmBank dengan foodpanda
Tempoh Promosi: 17 Julai 2023 – 21 Januari 2024

mana kerugian atau kerosakan tersebut disebabkan secara langsung oleh kecuaiian, kemungkiran sengaja atau penipuan Bank.

- 4.11 Setakat yang diizinkan oleh undang-undang, Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan yang Layak apabila berlaku peristiwa "Force Majeure" merujuk kepada kejadian dan/atau keadaan yang tidak terduga yang tidak berada dalam kawalan Bank yang wajar, yang tidak dapat dicegah, dihindari atau dihapuskan oleh Bank termasuklah bencana alam seperti banjir, taufan, rebut, badai, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, penenggelaman atau penenggelaman tanah atau bumi atau tindakan pergolakan awam seperti mogok, penguncian, gangguan industry, rusuhan, peperangan, yang masing-masing berada di luar kawalan mana-mana pihak atau peristiwa, keadaan lain atau keadaan yang serupa dengan yang mungkin diklasifikasikan sebagai "Force Majeure" oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 4.12 Bank tidak akan bertanggungjawab atas kegagalan oleh mana-mana Pelanggan yang Layak untuk menyertai Promosi ini pada bila-bila masa bagi sebarang kesalahan, gangguan dan/atau kegagalan rangkaian, komunikasi atau sistem.
- 4.13 Semua persoalan mengenai pembinaan, kesahihan, penguatkuasaan dan penafsiran terma dan syarat yang ditetapkan di sini harus diatur, ditafsirkan dan dikuatkuasakan sesuai dengan undang-undang Malaysia. Para pihak dengan ini tunduk kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia untuk tujuan tuntutan, tindakan atau proses lain yang timbul dari atau berdasarkan terma dan syarat di sini.
- 4.14 Versi Bahasa Inggeris terma dan syarat ini juga terdapat di www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions. Sekiranya terdapat percanggahan atau konflik dalam penafsiran terma dan syarat ini, versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia bagi setiap terma dan syarat ini akan ditafsirkan sebagai setara antara satu sama lain dan setiap terma dan syarat yang ditetapkan dalam kedua-dua bahasa tersebut hendaklah membawa maksud yang sama.
- 4.15 Untuk sebarang bantuan dan/atau maklum balas berkaitan Promosi, Pelanggan yang Layak boleh menghubungi Pusat Panggilan Bank yang beroperasi setiap hari di talian 03-2178 8888 dari 7.00 pagi hingga 11.00 malam, Isnin hingga Ahad atau e-mel ke customercare@ambankgroup.com.